

Untungnya TAUBAT!

Antara keuntungan dengan kerugian, yang mana satu pilihan di hati? Sudah pasti keuntungan, bukan? Namun bagaimana pula mahu menjadi orang yang beruntung bukan sahaja di dunia, bahkan juga di akhirat?

A

llah telah pun memberitahu dalam surah al-Nur, ayat 31: "Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang yang beriman supaya kamu beruntung."

Ya. Untungkan diri dengan bertaubat dan kembali kepada Allah. Taubat bukan menginsafi kerana berbuat dosa semata-mata, sebaliknya perlu juga tatkala diri berbuat kebaikan. Siapa tahu, barangkali kebaikan kita itu sebenarnya membawa sisi yang berbeza pada nilaiannya kerana tercemarnya niat.

Berbuat baik kerana mahu dipandang mulia. Namun apa dalam hati, Allah tetap selamanya tahu walau kita sedaya sembunyi. Manusia kita boleh perdaya, tetapi tidak sekali kepada Dia.



Kadang-kadang dalam baik kita ada kurangnya juga. Semoga kebaikan kita disusuli juga dengan istighfar, itu yang terbaik. Tidak rugi pun istighfar. Barulah jadi Mukmin luar biasa!

Ibn Qayyim juga telah menyebut bahawa taubat itu meninggalkan segala sesuatu yang dibenci Allah dan menuju kepada sesuatu yang dicintai-Nya baik secara lahir mahupun batin.

LANGKAH PERTAMA

Namun, mengapa Mukmin disuruh bertaubat lagi? Subhanallah, ternyata walau sudah dalam kebaikan tetapi Allah tetap menyeru hamba-Nya agar kembali dan berserah diri kepada Dia. Betapa Allah bersungguh-sungguh mahu menjaga kita!

Jika berbicara tentang syurga, tergambar kenikmatan yang tidak terjangkau dek pemikiran. Berhajat ke syurga, maka perlu menyusun langkah ke sana. Meski kita telah tahu ada golongan tertentu yang berpeluang cerah ke syurga Allah, namun hakikatnya bertaubatlah antara langkah pertama menuju ke syurga itu.

Memang, setiap daripada kita tidak akan pernah sunyi daripada berbuat silap. Namun sebaik-baik yang melakukan kesilapan adalah mereka yang sering bertaubat. (Riwayat al-Tirmizi)

JIKA RINDUKAN SYURGA

Allah menjanjikan dan mengkhabarkan bahawa pintu taubat itu sentiasa terbuka. Begitu jugalah pintu syurga. Taubat itu jalan ke syurga, bukan?

Allah memerintahkan kita untuk kembali kepada-Nya: "Dan kembalilah kamu kepada Tuhanmu dan berserah diri kepada-Nya." (Surah al Zumar 39:54)

Jadi jika kita merindui syurga, cintalah taubat kerana taubat membawa kita pada jalan yang disukai-Nya. Mahu ke syurga Allah, mestilah mengikut apa yang disukai dan dicintai-Nya.

Taubat itu menjadi jalan untuk bertemu Allah. Sudah pasti, tiada lagi kebahagiaan lain melainkan beroleh kecintaan Allah ditambah dengan payungan doa daripada malaikat. Natijahnya, diri pasti diberkati dan direzai.

UNTUNGNYA BERTAUBAT

Taubat itu sebab jaya diri. Abu Sa'ud r.a. berkata: Dengan taubat, kalian akan berjaya mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Nah, inilah yang kita mahu. Menjadi VIP di dunia dan akhirat.

Ini juga berdasarkan firman Allah yang bermaksud: "Dan (Hud berkata): Wahai kaumku, mohonlah ampun kepada Tuhanmu dan bertaubatlah kepada-Nya, nescaya Dia menurunkan hujan yang sangat lebat ke atasmu dan menambahkan kekuatan kepada kekuatanmu. Dan janganlah kamu berpaling dengan berbuat dosa." (Surah Hud 26: 52)

Jika untung itu kekal menjadi kemestian kita dalam semua urusan, begitulah juga dengan taubat. Ia tidak lagi menjadi pilihan, sebaliknya kemestian yang dipilih dan didirikan. Itulah bukti bagi sesiapa yang mengakui cintakan Allah dan mahu ke syurga-Nya. **Q**

facebook.com/WardahSafiah
zaidilah@telagabiru.com.my

TARGET VIP

Untung insan bila menyerah dan mengalah kepada Tuhan.



DOA

DOA MENGUSIR SYAITAN

أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ
الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ
الرَّجِيمِ مِنْ هَمْزِهِ وَنَفْخِهِ
وَنَفْسِهِ

MAKSUDNYA:

"Aku berlindung kepada Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada gangguan syaitan yang terkutuk, tipu daya, bisikan dan godaannya."

(Riwayat Abu Daud)

REFLEKSI VIP

BANTU DIRI UNTUK BERTAUBAT

- 1 Ikhlas dan menyerah diri sepenuhnya kepada Allah.
- 2 Bersungguh-sungguh.
- 3 Sibukkan diri dengan perkara yang bermanfaat.
- 4 Elakkan daripada membuang masa.
- 5 Dekati orang baik.
- 6 Pendek angan-angan dan mengingati akhirat.
- 7 Tundukkan pandangan.
- 8 Besarkan perasaan malu yang positif.
- 9 Fikir akibat sebelum bertindak.
- 10 Banyakkan berdoa.

(Petikan daripada Taubat Syurga Pertama Anda karya Syaikh Muhammad bin Ibrahim al-Hamd)